


1 - 15 JANUARI, 2026

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# KOMTAR kekal mercu tanda kemajuan negeri




**REPLIKA Kompleks Tun Abdul Razak atau lebih dikenali sebagai Komtar turut dipamerkan sempena penganjuran Karnival Komtar.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** - Sempena ulang tahun ke-40 Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), individu yang menyewa lot komersial di sini bermula Januari 2026 akan ditawarkan potongan kadar sewa 100 peratus pada tahun pertama dan 50 peratus pada tahun kedua, dengan syarat tempoh sewaan minimum tiga tahun.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pakej istimewa yang diumumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Aziz Bakar itu diharap terus mampu mengukuhkan kedudukan Komtar sebagai mercu tanda pembangunan negeri pada masa hadapan.

"Pada masa kini, walaupun Komtar masih menjadi lokasi penting, ia berdepan pelbagai cabaran untuk kekal sebagai mercu tanda kegemilangan Pulau Pinang.

"Perubahan perlu diterima dan kita (Kerajaan Negeri) berharap setiap usaha yang dilaksanakan bagi menghidupkan semula Komtar akan membuahkan hasil.

"Kepada PDC yang menawarkan pakej sewa percuma ini kepada premis-premis komersial yang masih dimiliki mereka, ia merupakan satu inisiatif tambahan untuk menarik lebih ramai peniaga beroperasi di Komtar," jelasnya.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkata demikian semasa merasmikan Karnival Komtar sempena ulang tahun ke-40 di sini pada 5 Disember 2025.

Selain itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri yakin projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, yang dijangka siap pada tahun 2031, akan membawa limpahan ekonomi dan menghidupkan semula Komtar serta kawasan sekitarnya.

Terdahulu, Aziz memaklumkan bahawa PDC akan menyalurkan peruntukan insentif RM20,000 kepada Pejabat Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar di bawah Dato' Rashidi Zinol bagi menggalakkan usahawan bumiputera menjalankan perniagaan di Komtar.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan ADUN Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para penyewa lot komersial lama yang kekal setia berniaga serta mahu melihat Komtar kekal sebagai mercu tanda pembangunan negeri kelak.



**KETUA Menteri bersama Aziz Bakar (berkemeja biru) dan Teh Lai Heng (tiga dari kanan) serta barisan kepimpinan negeri menunjukkan poskad bertemakan Komtar pada Karnival Komtar sempena ulang tahun ke-40 di sini baru-baru ini.**

# Tempat kerja bebas dadah

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melakar pencapaian membanggakan apabila menerima Sijil Pengiktirafan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Sijil pengiktirafan disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Zainuddin Abdullah kepada Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. K. Pathmanathan sambil disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Ketika berucap, Kon Yeow yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP menyifatkan kejayaan tersebut sebagai bukti kesungguhan barisan kepimpinan agensi air negeri itu dalam memelihara kebajikan pekerja dan menjunjung nilai integriti dalam operasi harian.

Beliau berkata, lebih membanggakan lagi apabila PBAPP berjaya mencipta sejarah sebagai operator air pertama dalam negara yang menerima pengiktirafan tempat kerja bebas dadah.

"Malah, pengiktirafan ini turut menjadikan PBAPP sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sulung di Pulau Pinang yang mematuhi sepenuhnya piawaian TEKAD.

"Syabas dan tahniah kepada seluruh warga PBAPP, semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada seluruh negeri Pulau Pinang khasnya dan negara secara umum," katanya pada majlis berkaitan di sini pada 5 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Holding Berhad (PBAHB), Dato' Brian Tan Guan Hooi; Ahli Lembaga Pengarah PBAHB, Fadzil Abdullah; Ketua Divisyen Sumber Manusia PBAPP, Dato' Mohammad Zulkifli Abdul Hamid; Pengarah AADK Pulau Pinang, Roswati Apin dan Pengarah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) Kampung Selamat, Wan Hilmi Wan Abdul Rahman.




**IR. K. Pathmanathan (dua dari kiri) menerima sijil pengiktirafan daripada Zainuddin Abdullah (tiga dari kanan) sambil disaksikan oleh Ketua Menteri dan kepimpinan PBAPP serta AADK pada Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan TEKAD di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa penyertaan PBAPP dalam Program TEKAD bukan sekadar prosedur pematuhan undang-undang, sebaliknya merupakan satu pelaburan penting untuk masa depan organisasi.

Menurut beliau, sesebuah organisasi itu hanya mampu melangkah jauh apabila pekerjanya berada dalam keadaan terbaik serta bebas daripada pengaruh dadah.

"“Pekerja yang bebas daripada pengaruh dadah mampu bekerja dengan lebih fokus, mengurangkan risiko kemalangan, meningkatkan produktiviti, memelihara imej organisasi serta menjadi aset yang bernilai kepada negeri dan negara.

"Justeru, kemajuan ekonomi juga secara tidak langsung bergantung kepada kekuatan emosi, fizikal serta integriti warga kerja," ujarnya.

Kon Yeow turut memuji inisiatif PBAPP yang telah mengadakan kerjasama dengan pihak AADK bagi program sokongan untuk klien di Puspen Kampung Selamat pada Ogos 2025.

"Ini merupakan satu langkah yang amat baik kerana mampu mendekatkan masyarakat dengan klien Puspen, seterusnya membantu mereka kembali ke jalan pemulihan dan pastinya memberi sinar baharu kepada mereka yang ingin berubah.

"Kita sering menyebut bahawa setiap insan berhak diberikan peluang kedua dan hari ini, PBAPP membuktikan bahawa kata-kata itu bukan sekadar slogan, tetapi diterjemahkan melalui tindakan yang nyata," ulasnya.

Pada masa sama, Kon Yeow turut menyeru agar lebih banyak GLC termasuk swasta dan industri untuk menjadikan Program TEKAD sebagai piawaian operasi dan bukan sekadar satu program sampingan.

"Jika PBAPP, sebuah organisasi besar dengan lebih 1,500 pekerja mampu melaksanakan program ini dengan jayanya, saya yakin banyak organisasi lain juga mampu mencontohi kejayaan ini.

"Kita ingin melihat Pulau Pinang bukan sahaja sebagai sebuah negeri yang maju, tetapi juga negeri yang rakyatnya sihat, produktif dan bebas daripada pengaruh dadah," katanya.

Sementara itu, Pathmanathan dalam ucapannya sebelum itu menjelaskan bahawa pengiktirafan yang diterima PBAPP itu adalah atas komitmen syarikat itu melaksanakan pelbagai inisiatif serta langkah-langkah pencegahan yang diperlukan.

"Antaranya adalah penubuhan polisi serta Jawatankuasa Pencegahan Dadah di tempat kerja yang dianggotai oleh pihak pengurusan dan wakil pekerja dan latihan khusus untuk penyelia yang telah dilaksanakan pada bulan Mei 2025," katanya.

# Tonggak perundangan syariah

**GEORGE TOWN –** Seramai 38 peguam syarie diraikan dalam Majlis Pengisytiharan dan Pentauliahan Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang 2025.

Penyampaian sijil tauliah disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Prof. Emeritus Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang, Jalan Batu Gantung dekat sini pada 2 Disember 2025.

Abd. Aziz dalam ucapannya mengingatkan bahawa institusi kehakiman syariah merupakan satu institusi yang perlu menjadi syiar atau lambang keizzahan dan kesyumulan Islam.

Menurutnya, sebagai salah satu peneraju institusi agama Islam, mahkamah syariah termasuk barisan peguam syarie dan pendakwa syarie harus terkehadapan dalam aspek pengurusan, pentadbiran serta penggunaan teknologi terkini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat negeri ini menjadi lebih berkesan.

“Semua peguam syarie adalah sebahagian daripada tunjang kepada sistem kehakiman dan perundangan syariah yang diterajui oleh tiga tonggak utama iaitu, hakim syarie, pendakwa syarie dan peguam syarie.

“Ketiga-tiga tonggak ini adalah berkait rapat dan perlu bersama-sama memainkan peranan ke arah memartabatkan institusi kehakiman serta perundangan Islam dan seterusnya memperlihatkan keadilan.

“Mahkamah Syariah tidak mampu mencapai keadilan jika hanya bergerak sendirian, justeru semua pengamal undang-undang syariah perlu bekerjasama untuk mencapai misi, visi, objektif dan cita-cita dalam memartabatkan sistem kehakiman dan perundangan Islam di Pulau Pinang khasnya dan Malaysia secara amnya,” ucap beliau mewakili Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang Dipertua MAINPP, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid.

Hadir sama, Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang, Yang Amat Arif Dato' Za'im Md. Yudin dan Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman.




**PROF. Emeritus Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin (duduk, enam dari kiri) merakamkan gambar kenang-kenangan bersama barisan hakim, pendakwa dan peguam syarie pada Majlis Pengisytiharan dan Pentauliahan Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang 2025 di sini Disember lalu.**

Mengulas lanjut, Abd Aziz turut mengingatkan barisan peguam syarie yang baru ditauliahkan supaya sentiasa menjaga etika dan tahap profesionalisme serta memberikan perkhidmatan guaman terbaik dan berkesan kepada anak guam masing-masing.

“Sebagai peguam syarie, slogan 'Syariah Asas Keadilan', prinsip-prinsip dan falsafah perundangan Islam hendaklah dihayati dan diamalkan sepanjang melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

“Saya juga ingin berpesan sebagai peguam syarie agar sentiasa menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang tugas selain cakna dengan perkembangan perundangan dan kehakiman syariah supaya tidak ketinggalan,” ulasnya lanjut.

# e-Tanah dorong transformasi digital pentadbiran tanah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KUALA LUMPUR -** Pulau Pinang mengorak langkah ke arah memodenkan ekosistem pentadbiran tanah dengan memeterai perjanjian konsesi Kerjasama Awam-Swasta (PPP) bagi sistem e-Tanah di sini pada 1 Disember 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang menyaksikan majlis menandatangani perjanjian tersebut, menyifatkan detik tersebut sebagai pemangkin kepada aspirasi tadbir urus digital Pulau Pinang di bawah Visi Penang2030.

"Perjanjian ini bukan sekadar kontrak, tetapi satu titik perubahan dalam integrasi digital pentadbiran tanah negeri.

"Kita (Pulau Pinang) mahu sebuah sistem yang cekap, telus, pantas, selamat dan berorientasikan rakyat yang mana selaras dengan Visi Penang2030," ujarnya pada majlis berkaitan.

Pada majlis sama, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES); Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG); Unit Kerjasama Awam Swasta Jabatan Perdana Menteri (UKAS) serta Kerajaan Persekutuan kerana membolehkan sistem berkaitan diteruskan di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) bersama Puncak Tegap Sdn. Bhd. bagi tempoh konsesi selama 14 tahun.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang, saya merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri atas komitmen serta kelulusan projek ini.

"Ini mencerminkan sokongan Kerajaan Persekutuan terhadap agenda pendigitalan di Pulau Pinang," tambahnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa Pulau Pinang telah menggunakan sistem pentadbiran tanah secara elektronik atau e-Tanah generasi pertama sejak 2008, namun isu struktur semasa pembangunan dan pelaksanaannya agak menjejaskan prestasi.

"Keperluan sistem generasi baharu menjadi semakin mendesak apabila Pulau Pinang memasuki era projek penambakan berskala besar, termasuk Pulau Andaman dan Pulau Silikon Fasa 1.

"Projek-projek ini, dengan nilai pembangunan kasar melebihi RM100 bilion, dijangka meningkatkan pendaftaran hak milik tanah dan strata daripada 15,000 setahun kepada antara 25,000 hingga 30,000 dalam tempoh 10 akan datang.

"Maka, dengan peningkatan permohonan pindah milik tanah, pajakan, hal ehwal strata dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Pulau Pinang amat memerlukan sebuah platform digital yang moden, boleh dipercayai dan bersepadu," jelasnya.

Beliau dalam pada itu turut mengalu-alukan pelaksanaan penyelesaian e-Tanah yang dinaik taraf oleh Kerajaan Persekutuan, sambil menekankan bahawa pengalaman pengguna dan ketepatan data mesti menjadi tumpuan utama sistem tersebut.

Selain platform e-Tanah baharu, difahamkan bahawa Pulau Pinang sudah pun meneroka sempadan baharu dalam tadbir urus digital.

Menurut Kon Yeow, sistem PgLAND yang dilancarkan telah mendigitalkan proses utama seperti pindah milik, pendaftaran dan carian tanah.

"Penggunaannya melonjak sebanyak 73 peratus iaitu daripada 103,000 kepada 178,860 pengguna pada 2025.

"Kita mahu PgLAND menjadi platform digital yang benar-benar cekap untuk kutipan cukai tanah dan cukai petak.

"Integrasi dengan sistem baharu e-Tanah akan memperkukuh keseluruhan ekosistem penyampaian digital Pulau Pinang," ulasnya sambil menegaskan komitmen negeri untuk memenuhi obligasi konsesi tersebut.

Kon Yeow turut menyatakan keyakinan bahawa konsesi yang baru ditandatangani itu akan menghasilkan sebuah sistem yang berfungsi sepenuhnya menjelang 2027, menandakan peralihan Pulau Pinang kepada persekitaran perkhidmatan tanah digital yang lebih maju.

Sementara itu, Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang mewakili Kerajaan Persekutuan berkata, pelaksanaan e-Tanah menunjukkan kerjasama berkesan antara agensi Persekutuan, pihak berkuasa negeri dan sektor swasta.

Beliau menegaskan bahawa tadbir urus tanah yang cekap adalah teras kepada pembangunan ekonomi, penyediaan pelaburan dan penyampaian perkhidmatan awam.

"Buat pertama kali, kita merealisasikan kerjasama komprehensif antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan entiti swasta.

"Kerjasama ini memperkukuh tadbir urus, menambah baik proses kelulusan dan memastikan kepekaan lebih tinggi terhadap keperluan rakyat," katanya.

Tambah beliau, pentadbiran tanah yang moden mesti dibina atas rangka kerja peraturan yang kukuh, telus dan berteraskan digital.

"Projek ini menunjukkan bahawa kita berada pada landasan yang betul yang mana melalui konsesi 14 tahun ini iaitu dua tahun untuk pembangunan dan 12 tahun untuk pelaksanaan, kita memastikan kesinambungan, akauntabiliti dan nilai jangka panjang untuk rakyat," jelasnya.

## Pusat Hemodialisis Tasek Gelugor beroperasi semula

**PERMATANG BERANGAN –** Ditutup sejak Oktober 2020 untuk kerja-kerja pengubahsuaian berwajib, kini Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP Tasek Gelugor yang dilengkapi 12 unit mesin hemodialisis berteknologi terkini beroperasi semula serta berupaya menampung sehingga 60 pesakit.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid memberitahu bahawa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat MAINPP membelanjakan kira-kira RM1.42 juta bagi projek pengubahsuaian pusat hemodialisis tersebut.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat berharap agar usaha tersebut dapat memperkasa program zakat kesihatan di negeri ini khususnya untuk komuniti terpilih sekitar kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

"Pengoperasian semula pusat hemodialisis ini juga adalah bukti kukuh bahawa dana zakat yang diamanahkan serta disumbangkan oleh para pembayar zakat di negeri Pulau Pinang diurus dengan penuh ketelusan dan memberikan impak yang sangat besar kepada golongan asnaf memerlukan," jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP.



**DR. Mohamad Abdul Hamid (kiri sekali) diiringi Prof. Madya Dr. Mohd. Sukki Othman (kanan) dan Kairi Ghazalli (tengah) menandatangani plak sempena Majlis Perasmian Pengoperasian Semula Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP Tasek Gelugor dekat Permatang Berangan di sini baru-baru ini.** ***(Gambar ihsan: MAINPP)***

Berucap sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP, Kairi Ghazalli memberitahu bahawa pusat hemodialisis zakat di Tasek Gelugor merupakan cawangan yang ketujuh kendalian Zakat MAINPP yang ditubuhkan sejak tahun 2009.

Sepanjang tempoh Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP Tasek Gelugor ditutup sementara sejak bulan Oktober 2020, beliau menyatakan bahawa seramai 44 pesakit telah dipindahkan ke cawangan lain di bawah kendalian Zakat MAINPP juga.

Mengulas lanjut, Kairi merakamkan penghargaan kepada kepimpinan Mohamad kerana banyak memberi sokongan pada kerja-kerja pengubahsuaian Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP Tasek Gelugor di sini, sekali gus ke arah merealisasikan Agenda Pembangunan Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2030 (APAI2030).

Mufti Kerajaan Negeri, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman dan Ahli Majlis MAINPP, Ramli Omar antara pemimpin negeri yang hadir pada majlis tersebut.

# Rumah Reptilia



***BLUE*-tongued *skinks* antara spesies cicak pemalu berbanding spesies cicak lain juga menjadi tarikan pengunjung.**

**PENANG** *Bird Park* atau Taman Burung Pulau Pinang yang terletak di Taman Tunku, Seberang Jaya menyediakan pengalaman unik, dengan peluang untuk melihat dan berinteraksi dengan burung dalam persekitaran yang menyerupai habitat semula jadi.

Ditubuhkan sejak tahun 1988, taman berkeluasan lima ekar itu mempunyai koleksi lebih daripada 300 spesies burung dari seluruh dunia, yang mana lebih daripada 150 spesies tersebut merupakan spesies dari Malaysia.

Dengan landskap yang indah dan tersusun, *Penang Bird Park* yang kini menempatkan lebih 3,000 ekor burung pastinya menawarkan memori yang tidak ternilai dan detik yang sukar dilupakan untuk seisi keluarga.

Selain itu, persekitaran semula jadi yang dihiasi landskap hijau, air terjun buatan dan kolam yang menenangkan menjadikan tempat tersebut juga sesuai untuk fotografi dan pendidikan.

Terkini, *Penang Bird Park* menawarkan pengalaman baharu kepada pengunjung dengan kewujudan Rumah Reptilia *(Reptile House)* yang mempamerkan pelbagai jenis reptilia seperti ular, kura-kura dan haiwan eksotik lain selain burung.

Pengasasnya, **DR. GINO OOI** menjelaskan bahawa Rumah Reptilia dibina khas dengan menggabungkan koleksi reptilia, amfibia dan spesies eksotik yang mengagumkan di dalam satu ruang dalaman yang mengasyikkan.

Menurut beliau, *Penang Bird Park* sememangnya terkenal dengan kepelbagaian spesies burung, tetapi pameran baharu tersebut mampu meluaskan lagi jangkauan pendidikan kepada para pengunjung.

"Pameran interaktif ini menawarkan pemandangan menarik tentang kepelbagaian makhluk yang hidup di bawah 'bayang-bayang' kemegahan sang burung di taman ini seperti tupai, tikus pokok, musang, kura-kura dan serangga unik yang lain.

"Bayaran masuk ke Rumah Reptilia adalah percuma kerana bersekali dengan harga tiket masuk ke taman burung.

"Langkah ini adalah supaya orang ramai terutamanya pelajar sekolah dan peminat hidupan liar boleh meneroka ruang baharu ini tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.

"Namun begitu, bagi mereka yang mahu masuk ke Rumah Reptilia sahaja, mereka perlu membayar harga tiket sekitar RM10 untuk dewasa dan RM5 untuk kanak-kanak," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui pada 4 Disember 2025.

Menurut Gino, kewujudan Taman Reptilia menandakan satu lagi langkah penting untuk menyampaikan mesej mengenai kepentingan pemeliharaan hidupan liar, selain menyediakan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

"Pameran ini menampilkan pelbagai jenis haiwan yang dipilih untuk menonjolkan kepelbagaian spesies berdarah sejuk dari seluruh dunia.

"Sangkar lutsinar berserta antara hidupan eksotik yang ditampilkan di sini adalah Iguana Badak Sumbu *(Rhinoceros Iguana)*, *Sailfin Dragon (Hydrosaurus)*, *Green Basilisk Lizard (Basiliscus plumifrons)* dan *Lutino Iguana*.

"Di samping haiwan kegemaran orang ramai seperti Naga Berjanggut *(Bearded Dragon)*, Ular Sawa Batik *(Golden Python)*, *Ball Python (Python regius)*, *Crocodile Skink (Tribolonotus gracilis)*, *Blue-tongued Skink* dan *Leopard Gecko (Eublepharis macularius)*.

"Beberapa spesies katak pokok, salamander, kura-kura dan kala jengking telah melengkapkan senarai tarikan di sini, sekali gus memberikan peluang kepada pengunjung untuk melihat pelbagai jenis haiwan dari jarak dekat," jelasnya.

Tambah beliau, persekitaran dalaman Taman Reptilia juga direka bentuk dengan matlamat untuk mengimbangi antara pendidikan dan keselesaan pengunjung.

"Sangkar lutsinar berserta paparan bermaklumat yang disediakan juga dapat membantu pengunjung untuk lebih memahami habitat semula jadi haiwan, tingkah laku, corak pemakanan dan status pemuliharaan.

*(Sambungan di muka 5).*




**PINTU masuk ke Taman Burung Pulau Pinang yang terletak di Taman Tunku, Seberang Jaya.**



**DR. Gino Ooi.**



**KALA Jengking Maharaja *(Pandinus imperator)* akan bersinar di bawah cahaya ultraviolet turut dipamerkan di sini.**



***EMERALD tree skink (Lamprolepis smaragdina)* semakin popular dalam kalangan peminat spesies *skink* eksotik.**

(Sambungan dari muka 4).

# destinasi pendidikan pemuliharaan


ULAR sawa albino antara spesies ular yang terdapat di Rumah Reptilia.

"Susun atur pula dibuat bagi menggalakkan penerokaan dan membangkitkan rasa ingin tahu dengan setiap sangkar yang membingkai spesies boleh mencetuskan minat serta memudahkan pengunjung kanak-kanak," ulasnya lanjut.

Tambah Gino, pengenalan Rumah Reptilia mencerminkan satu gerakan yang lebih luas dalam kalangan taman hidupan liar untuk mempelbagaikan program pendidikan.

"*Penang Bird Park* telah lama diiktiraf atas usaha pemuliharaan dan pembiakan spesies burung tempatan Malaysia.

"Penambahan ini telah menyokong misi berterusan untuk mewujudkan penglibatan awam yang lebih besar terhadap semua bentuk hidupan liar.

"Pameran baru ini juga membuka peluang untuk program kumpulan sekolah yang dikemas kini, lawatan berpandu dan bengkel pemuliharaan yang dirancang oleh pihak taman untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Gino memberitahu bahawa pengunjung juga boleh menikmati diskaun sebanyak 20 peratus apabila membuat tempahan tiket masuk secara dalam talian melalui platform rasmi *Penang Bird Park*.

"Tawaran ini dapat memberi peluang kepada seisi keluarga serta pelancong untuk menikmati pengalaman yang lebih menjimatkan bagi meneroka keseluruhan tarikan taman ini, termasuk Rumah Reptilia yang baru dibuka.

"Pameran dibuka mengikut waktu operasi biasa dan pihak pengurusan taman mengesyorkan agar pengunjung memperuntukkan masa yang mencukupi untuk menerokai Rumah Reptilia serta sangkar burung ikonik yang menjadi tarikan utama," katanya.

Sebagai konservatori burung pertama dan terbesar di Malaysia, *Penang Bird Park* merangkumi kawasan seluas lima ekar dan menempatkan lebih 3,000 ekor burung daripada lebih 300 spesies.

Dengan lebih 150 spesies burung tempatan yang dipamerkan, taman ini terus menjadi destinasi penting bagi pendidikan pemuliharaan, selain berfungsi sebagai tarikan mesra keluarga untuk pengunjung tempatan dan pelancong antarabangsa.

Pembukaan Rumah Reptilia pula mencerminkan usaha berterusan *Penang Bird Park* untuk terus berkembang seiring dengan keperluan dan jangkaan pengunjung pada masa kini.

Pameran dalaman yang berhawa dingin menawarkan keselesaan ketika cuaca panas atau hujan, manakala paparan interaktif serta pengalaman melihat haiwan secara lebih dekat dapat menarik minat generasi muda untuk mencari pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

Bagi kawasan Seberang Perai, penambahan tarikan tersebut turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor pelancongan tempatan.

Pembaharuan di *Penang Bird Park* membantu mengukuhkan kedudukan Seberang Perai sebagai salah satu destinasi pelancongan negeri.

Sama ada pengunjung tertarik dengan dunia reptilia, berminat terhadap usaha pemuliharaan, atau sekadar mencari aktiviti santai yang berinformasi, Rumah Reptilia menambah nilai dan tarikan baharu kepada salah satu destinasi hidupan liar paling lama beroperasi di Pulau Pinang.

Dengan gabungan elemen pendidikan, aksesibiliti dan pengalaman interaktif secara dekat, tarikan ini dijangka menjadi antara sorotan utama untuk pengunjung dari pelbagai peringkat usia.


PENJAGA Rumah Reptilia, Daniel Ahmad Fauzi menunjukkan salah satu spesies cicak iguana yang boleh ditemui di pedalaman negara Afrika, Asia, Australia dan Eropah Selatan.


TIKUS belanda sering menjadi tarikan di sini terutamanya dalam kalangan pengunjung kanak-kanak.


*CENTRAL Bearded Dragon* atau nama saintifiknya *Pogona vitticeps* merupakan spesies cicak agamid dari kawasan gersang dan separa gersang di negara timur dan tengah Australia juga boleh ditemui di sini.

# Legasi gastronomi negeri bakal diiktiraf

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBANYAK** 10 jenis makanan tradisi Pulau Pinang telah dicadangkan kepada Jabatan Warisan Negara untuk digazetkan sebagai makanan warisan bagi memelihara legasinya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa antara makanan tersebut adalah nasi kandar, pasembur, mi udang, mi Hokkien, roti benggali, *char koay kak*, mi *Jawa*, *oh chien* (telur dadar tiram) dan kerabu bihun.

"Kini, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menyiapkan proses penilaian dan bersedia untuk mengiktiraf makanan tersebut sebagai warisan negara.

"Sekiranya berjaya, kita akan mengangkat makanan-makanan ikonik ini kepada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai warisan tidak ketara.

"Menggazetkan makanan-makanan ini bukan sahaja penghormatan dalam memelihara tradisi dari generasi ke generasi, malah juga untuk memastikan gastronomi Pulau Pinang yang terkenal ini dilindungi, dipromosi dan diraikan oleh generasi akan datang," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyempurnakan perasmian Hari Penjaja dan Komuniti Penjaja Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 2025 pada 3 Disember 2025.

Exco Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye; Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Sr. Cheong Chee Hong antara kenamaan yang hadir.




**KETUA Menteri diiringi Ir. A. Rajendran (empat dari kiri) dan barisan tetamu kehormat lain menyempurnakan gimik perasmian Hari Penjaja dan Komuniti Penjaja MBPP 2025 di sini baru-baru ini.**



**SHARIFAH Aini Jaffarullah Khan.**

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyeru kepada para peniaga di Pulau Pinang untuk terus memelihara dan meningkatkan standard kebersihan, kualiti makanan serta perkhidmatan pelanggan.

Tambah beliau, perkara tersebut merupakan asas dalam memperkukuh reputasi Pulau Pinang sebagai lokasi pelancongan, gastronomi dan warisan kebudayaan.

"Dalam memastikan Pulau Pinang kekal bersih, hijau, sihat dan selamat, saya menyeru kepada semua penjaja di negeri ini untuk meningkatkan amalan pengasingan sisa di punca, mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dan menguruskan sisa minyak terpakai secara berhemah.

"Perkara-perkara tersebut amat penting dalam memelihara Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara dan hab kulinari yang kaya dengan legasi tersendiri," ulasnya lanjut.

Pada majlis tersebut, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Titi Teras dipilih sebagai Penganjur Pasar Malam Terbaik.

Pengerusinya, **MOHD. KHAIRUL AFANDI IBRAHIM** ketika ditemui berkongsi bahawa anugerah berkenaan merupakan kejayaan bersama para peniaga pasar malam yang terlibat.

"Apabila ada kerjasama yang baik, kita dapat melaksanakan apa sahaja peraturan daripada MBPP termasuk aspek kebersihan yang keutamaan kami.

"Kami juga melantik empat petugas pembersihan bermula jam 10.30 malam, tanpa mengira keadaan cuaca, dan tepat jam 12 tengah malam, semua kerja pembersihan wajib siap.

"Mulai tahun 2026, pasar malam kami akan menjadi pasar malam pertama yang mengasingkan peniaga yang menjual barangan basah dan barangan kering," ujarnya sambil memaklumkan bahawa pasar malam itu juga akan diadakan dua kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Ahad berbanding di tempat lain.

Sementara itu, bagi kategori Gerai MBPP Pilihan Kami: Bersih, Selamat dan Ceria, Mujahit Roti Canai di Astaka Lorong Kulit telah terpilih sebagai penerima.

Pemiliknya, **SHARIFAH AINI JAFFARULLAH KHAN** menyatakan bahawa aspek kebersihan sentiasa menjadi penekanan utama dalam menjalankan perniagaan.

"Aspek kebersihan kedai mesti nombor satu, apabila kedai bersih, makanan juga akan disediakan dalam keadaan bersih dan berkualiti.

"Ini sangat penting untuk pelanggan bagi mengelakkan kes keracunan makanan atau tindakan saman oleh MBPP, kalau bersih, pelanggan pun akan datang lagi," jelasnya kepada Buletin Mutiara menerusi panggilan telefon baru-baru ini.



**MOHD. Khairul Afandi Ibrahim (tengah) menerima pengiktirafan daripada Ketua Menteri, selaku Penganjur Pasar Malam Terbaik pada majlis berkaitan di sini.**



**ANTARA jawatankuasa dan komuniti penjaja yang hadir.**

# Kepengakapan bentuk modal insan berdaya saing



**TUN** Ramli Ngah Talib (kanan) menerima potret rasmi sebagai *momento* kenang-kenangan daripada Ketua Menteri sempena Majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja Tahun 2025 di sini baru-baru ini.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** - Usaha kepengakapan di negeri ini adalah bertepatan dengan aspirasi Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030, khususnya dalam melahirkan generasi muda yang berkualiti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Pulau Pinang menegaskan bahawa peranan kepengakapan sebagai platform pembangunan sahsiah dan kepimpinan adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam melahirkan modal insan yang mampu menggalas tanggungjawab masa depan, seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih harmoni, berdisiplin dan progresif.

"Malah, menerusi hala tuju baharu menjelang tahun 2025, sasaran meningkatkan keahlian nasional kepada 500,000 orang turut dijalankan dengan memperkukuh modul latihan kepimpinan belia, memperhebat aktiviti berimpak tinggi pada peringkat sekolah serta komuniti dan memastikan pergerakan pengakap terus relevan dalam era ekonomi digital baharu kini," ujarnya dalam Majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja Tahun 2025 di sini pada 29 November 2025.

Pada majlis berkaitan, Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ramli Ngah Talib yang juga Penaung Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang (PPMNPP) turut menganugerahkan Sijil Pengakap Raja kepada 23 ahli pengakap negeri dan darjah kebesaran bintang serta pingat kepada 386 penerima terpilih atas penglibatan aktif serta sumbangan cemerlang dalam mengangkat martabat pergerakan pertubuhan berkaitan.

Hadir sama, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen yang juga Timbalan Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri; barisan Exco; Ketua Pengakap Negara Mejar Jeneral Datuk Prof. Dr. Mohd. Zin Bidin; Pemangku Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Dr. Mohammed Mukhyuddin Sarwani; Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Dato' Zulkifli Kamaruddin dan Pengerusi Majlis Pengakap Negeri, Lee Toong Leon.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menyatakan bahawa menerusi pelbagai aktiviti dan program kepengakapan tersusun, Pengakap Pulau Pinang telah menjadi rakan strategik yang sangat penting dalam membentuk modal insan berdaya saing.

"Aspirasi ini turut diperkukuh melalui kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan (KPM) dan *World Organization of the Scout Movement* (WOSM), yang membuka ruang kepada pertukaran budaya, latihan kepimpinan bertaraf global serta pendedahan antarabangsa kepada pengakap muda.

"(Seiring aspirasi itu), komitmen kerjasama ini juga diperbaharui untuk tempoh 10 tahun dengan memberi tumpuan kepada pendidikan belia dan pembangunan mampan di Malaysia serta rantau Asia Pasifik.

"Malah, di Pulau Pinang sendiri, aspirasi nasional ini turut memberi rangsangan untuk memperkukuh lagi program latihan pemimpin, memperluas penglibatan sekolah-sekolah serta meningkatkan keupayaan organisasi dalam menganjurkan aktiviti yang kreatif, inovatif dan berimpak sosial.

"Justeru, kejayaan ahli Pengakap Remaja mencapai pengiktirafan tertinggi iaitu Pengakap Raja menjadi bukti komitmen terhadap kecemerlangan, kepemimpinan, disiplin dan jati diri belia," jelasnya.

Jelas Kon Yeow lagi, pencapaian yang diraih hari ini mencerminkan kekuatan gerakan kepengakapan di Pulau Pinang.

"Hal ini membuktikan bahawa organisasi pengakap bukan sahaja semakin aktif di Pulau Pinang dan Malaysia, malah terus cemerlang dalam pergerakan antarabangsa, seterusnya mengharumkan nama negeri ini di persada dunia.

"Keterlibatan antarabangsa ini membuktikan bahawa kepengakapan Pulau Pinang bukan sekadar cemerlang dalam aktiviti tempatan, tetapi turut diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang berkualiti tinggi di peringkat global," ulasnya.

Mengulas lanjut, beliau turut menyatakan bahawa umumnya, komitmen Kerajaan Negeri untuk menyokong pembangunan belia akan terus diperkukuh bagi memastikan pengakap di Pulau Pinang mampu memainkan peranan strategik dalam membentuk generasi masa depan, selaras dengan aspirasi melahirkan masyarakat yang progresif, berdaya saing dan berjati diri.



**KETUA** Menteri diiringi tetamu kehormat lain merakamkan gambar bersama-sama 23 Ahli Pengakap Raja yang menerima pengiktirafan pada majlis tersebut di sini.



**ANTARA** ahli Pengakap negeri yang hadir pada Majlis Penganugerahan Bintang, Pingat dan Sijil Pengakap Raja Tahun 2025 pada 29 November lalu.

# Produk IKS tembusi pasaran global

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang perkenalkan Geran Mutiara Madani dalam usaha memperkukuh peranan gerakan koperasi di negeri ini, dengan peruntukan sehingga RM5,000 bagi setiap koperasi.

Pada tahun 2025, sebanyak 43 koperasi layak menerima Geran Mutiara Madani melibatkan nilai keseluruhan RM200,000, yang disampaikan oleh Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol.

Koperasi Pengilang Produk IKS Berhad merupakan antara koperasi yang layak menerima inisiatif tersebut apabila menerima geran bernilai RM5,000.

Pengasasnya, **SARINA CHE YA**, 56, ketika ditemui berkata, inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan Negeri itu mampu membantu koperasi membuat pusingan modal bagi mendapatkan bekalan bahan mentah.

"Syukur alhamdulillah, dengan bantuan geran ini saya boleh membuat pusingan modal untuk membeli bahan mentah yang begitu penting dalam penghasilan produk-produk kami.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua agensi kerajaan yang terlibat kerana telah banyak membantu para usahawan untuk terus berkembang," katanya.

Sarina berkata demikian kepada Buletin Mutiara ketika ditemui sempena Karnival Koperasi Madani di Ruang Legar Konkos Aras 3, Komtar pada 26 November 2025.

Beliau menyatakan bahawa penglibatannya dalam gerakan koperasi bermula sejak tahun 2014 apabila beliau menubuhkan Koperasi Usahawan Groom Big Pulau Pinang Berhad.

Tambahnya, sasaran penubuhan koperasi itu adalah untuk memasarkan pelbagai produk usahawan tempatan, termasuk keluaran syarikat miliknya sendiri, Aina Sari Enterprise yang ditubuhkan sejak 2009.

Menurut Sarina, penubuhan koperasi tersebut bertujuan memasarkan pelbagai produk usahawan tempatan, termasuk keluaran syarikat miliknya sendiri, Aina Sari Enterprise, yang ditubuhkan sejak 2009.

"Melalui koperasi ini, saya berjaya membawa masuk produk-produk usahawan ke pasar raya besar seperti *AEON Retail Malaysia* (AEON) sejak tahun 2016 hingga kini.

"Antara produk yang berjaya dipasarkan termasuk bubur durian, ketupat nasi bersama rendang, mi kari, daging dendeng, sambal sotong dan laksa Kedah, selain pelbagai produk lain yang dibungkus menggunakan teknologi retort bagi memastikan ketahanan yang lebih lama.

"Selain itu, kami turut menyertai pelbagai karnival anjuran agensi kerajaan dan swasta seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA), *Halal Expo Malaysia* (HALFEST) dan *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS).

"Peluang ini dimanfaatkan untuk mengadakan padanan perniagaan serta mengetengahkan pelbagai produk keluaran koperasi," jelasnya.

Mengulas lanjut, Sarina berkata bahawa pihaknya kini merancang untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi semua produk yang sedang dipasarkan di AEON di wilayah utara.

"Dengan adanya sijil halal, kami dapat meluaskan lagi pemasaran produk ke pasar raya lain yang lebih sesuai di seluruh negara malah seluruh dunia," katanya.

Susulan kejayaan penubuhan koperasi pertama, Sarina memaklumkan bahawa beliau menubuhkan Koperasi Pengilang Produk IKS Berhad pada tahun 2023.




**SARINA Che Ya menunjukkan produk yang dipasarkan di bawah Koperasi Pengilang Produk IKS Berhad sempena Karnival Koperasi Madani di sini baru-baru ini.**

Antara produk yang dipasarkan di bawah koperasi baharu itu, tambahnya adalah pes Laksa Penang, roti segera bawang putih, sos hijau Thai, pes char kuetiau, sambal belacan, acar ikan masin, sos perap serba guna, sos rojak, sambal bilis berapi, tepung goreng serba guna serta ikan pekasam.

"Idea penubuhan koperasi baharu ini tercetus ketika negara berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apabila masyarakat memerlukan produk sedia untuk dimasak.

"Bermula dari situ, saya mula menghasilkan pelbagai produk *ready - to - eat* menggunakan teknologi retort bagi memenuhi permintaan pelanggan, selain turut dipasarkan di pasar raya besar," katanya.

Beliau menambah bahawa Koperasi Pengilang Produk IKS Berhad kini mempunyai 20 ahli aktif dengan jumlah pendapatan bulanan mencecah RM90,000.

Selain pasaran dalam negara, produk keluaran koperasi itu juga berjaya menembusi pasaran luar negara seperti Bosnia dan China menerusi bantuan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

"Kami mengalu-alukan semua pihak yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada koperasi kami," ujarnya.

Selain dua koperasi berkaitan, Sarina menjelaskan bahawa beliau juga mempunyai sebuah kilang *Original Equipment Manufacturer* (OEM) di Tasek Gelugor yang mempunyai status pensijilan halal.

"Oleh itu, koperasi atau usahawan tempatan yang berminat menghasilkan produk di bawah jenama sendiri boleh menghantar produk mereka ke kilang kami untuk diproses," ujarnya sambil menyeru kepada usahawan tempatan supaya berani tampil ke hadapan untuk mengembangkan produk masing-masing.



**ANTARA produk yang sering mendapat sambutan setiap kali membuka reruai jualan adalah pes masakan seperti laksa dan *char kuetiau*.**

*(Dari muka 1)*

# 35 tahun bertahan di Komtar

**MEMASUKI** tahun 2026, bangunan ikonik dan tertinggi di Pulau Pinang, Kompleks Tun Abdul Razak atau lebih dikenali sebagai Komtar, bakal mencecah usia 40 tahun.

Dalam tempoh tersebut, pelbagai jenis perniagaan pernah mewarnai Komtar, malah ada yang bertahan sejak lebih 40 tahun di lokasi sama.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama jurugambar, **LAW SUUN TING** sempat menemu bual salah seorang penyewa lama di tingkat dua Komtar, iaitu **MOHAIDEEN MEERA MOHAMED IDRIS**.

Beliau, 65, yang mahu disapa dengan panggilan 'Mamu Mydin' merupakan pemilik kedai *MM Old Coins & Notes* yang telah bertapak di Komtar selama 35 tahun.

"Saya memang berada di sini sejak 35 tahun lalu dan tidak berminat untuk berpindah. Saya rasa di Komtar lebih mudah.

"Ia berada di tengah-tengah bandar, menjadikan urusan jual beli lebih senang bagi pengumpul duit lama untuk datang berurus niaga.

"Di sini saya menyimpan pelbagai koleksi mata wang dari negara berbeza, namun kebanyakannya dari Malaysia, Singapura dan Brunei," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada 12 Disember lalu.

Mamu Mydin menceritakan bahawa sebelum berkecimpung dalam perniagaan duit lama, beliau pernah bekerja di sebuah premis pengurup wang. Dari situlah minatnya terhadap mata wang mula bercambah sehingga hobi itu bertukar menjadi perniagaan.

"Saya mula mengenali mata wang ketika bekerja di sebuah premis pengurup wang dan dari situ datangnya minat untuk membuka premis yang telah berusia 35 tahun ini.

"Untuk koleksi paling berharga, saya memiliki duit zaman Malaya, sebelum terbentuknya Malaysia.

"Duit 10 dolar (mata wang ketika itu) kini boleh mencecah harga sehingga RM3,000 sekiranya urus niaga berlaku hari ini," katanya dengan senyuman.

Berkenaan pelanggan, Mamu Mydin menyatakan bahawa beliau menerima kunjungan daripada seluruh Malaysia termasuk pelancong asing.

"Pelanggan tidak menentu… sekarang ini tidaklah begitu ramai, mungkin kerana jumlah pengumpul semakin berkurangan.

"Apabila ada pelanggan yang datang pun, transaksi belum tentu berlaku. Ia bergantung kepada permintaan mereka dan sama ada saya bersedia melepaskan item tersebut," tambahnya yang menetap di Jalan Perak.

Tambah Mamu Mydin, walaupun banyak pembangunan baharu di sekitar bandar, beliau masih mahu kekal berniaga di Komtar, yang mana beliau berasa amat selesa di lokasi tersebut dan tidak bercadang menjual perniagaannya.

"Lagipun, kadar sewa di sini sudah turun, yang mana pada tahun 2015, saya bayar RM2,500 sebulan, sekarang cuma RM1,000 sahaja.

"Jadi kena ucap terima kasih juga kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Setia Urus Sdn. Bhd. (PDCSU)," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pengiktirafan baru-baru ini.

Menyentuh mengenai legasi perniagaan, Mamu Mydin mengakui bahawa anak-anaknya tidak berminat untuk meneruskannya.

"Mereka tidak berminat.

"Mungkin mereka ada kerjaya lain yang lebih baik, dan saya pun tidak mahu memaksa," katanya menutup bicara.




**MOHAIDEEN Meera Mohamed Idris menunjukkan wang kertas lama yang masih disimpan rapi.**




**ANTARA buku rujukan yang digunakan Mamu Mydin ketika berurusan dengan pelanggan di sini.**




**PREMIS *MM Old Coins & Notes* yang masih beroperasi sejak 35 tahun lalu di Komtar.**

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
